

Kemakmuran hasil kesedaran Onn terhadap nasib Melayu

Ulm - 27/2/2006

BATU PAHAT 26 Feb. - Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, generasi muda Melayu perlu insaf bahawa kemakmuran yang dikecapi adalah hasil kesedaran mendalam Datuk Onn Jaafar terhadap nasib bangsanya 60 tahun lalu.

Kesedaran itu, kata beliau, telah mencetuskan penentangan Melayu secara besar-besaran dan terancang terhadap pemerintahan Inggeris pada 10 Februari 1946 di Batu Pahat sebelum merebak ke negeri-negeri lain.

Bermula dari situ Onn mengajak sama ada keturunan Banjar, Jawa, Bugis, Siak, Jambi dan Melayu bersatu atas nama Melayu kerana datang dari rumpun yang besar, jelas beliau.

"Bayangkanlah seandainya Malayan Union terus dilaksanakan, apakah akan berlaku kepada kita semua hari ini. Sedarkah kita bahawa Malayan Union akan menyebabkan kita diperintah terus oleh Inggeris.

"Lantaran itu wajar kita mengangkat Datuk Onn untuk dirujuk dan diingati sebagai pengasas sebuah negara bangsa," katanya.

Abdul Ghani menyatakan demikian ketika berucap sempena perhimpunan Memperingati Perjuangan Datuk Onn: Pengasas Sebuah Negara Bangsa di Stadium Batu Pahat di sini hari ini yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdul Ghani berkata, laungan 'Hidup Melayu' oleh Onn pada masa itu ternyata membakar semangat orang Melayu hingga memaksa Inggeris membatalkan rancangan menubuhkan Malayan Union dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 sekali gus menyelamatkan raja-raja Melayu.

Onn juga, tegas beliau, seorang pemimpin berpandangan jauh terutama berkaitan soal kerakyatan, memastikan agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu diangkat sebagai Bahasa Kebangsaan dan hak-hak orang Melayu dipertegaskan dalam Perlembagaan Tanah Melayu.

"Ini terbukti apabila negara merdeka pada 1957, semua itu dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Beliau adalah arkitek Kerajaan Persekutuan dan Perlembagaan Negara," katanya.